



Buletin

Syawal 1445/ April 2024

ACIS

Kesinambungan Amal Diteruskan dalam bulan Syawal

eISSN 2600-8289



9 772 600 628 001

Banyak Bercakap, Loba Berkata-Kata: *Ikhtibar Syawal*

Oleh:

Hajah Makiah Tusarriyah binti Jamil

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Akhlahk adalah satu sifat dalam jiwa yang darinya melahirkan perbuatan dan perlakuan manusia yang apabila ianya dilakukan, ianya berlaku dengan spontan tanpa sebarang pertimbangan. Akhlahk pula terbahagi kepada akhlahk *mahmudah* yang terpuji dan juga akhlahk *mazmumah* yang terkeji. Terdapat pelbagai akhlahk *mazmumah* yang perlu dihindari oleh seorang mukmin yang bertakwa. Salah satu perbuatan terkeji itu adalah terlampau banyak bercakap sehingga loba berkata-kata. Banyak bercakap itu satu sifat yang tercela. Apabila banyak bercakap maka akan terkeluar dari mulutnya perkataan yang sia-sia. Perkataan yang sia-sia itu menyebabkan gelap hati malahan membawa kepada matinya hati. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

وَهَلْ يُكَبِّ النَّاسُ عَلَى مَتَاخِرِهِمْ إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ

"Tiada yang menyebabkan manusia tersembam di atas muka mereka ke dalam neraka melainkan dosa yang dihasilkan oleh lidah mereka." (Riwayat Tirmizi)

Dan dalam hadis yang lain Rasulullah SAW turut bersabda yang berbunyi

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Ertinya: *"Siapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat hendaklah dia bercakap yang baik-baik atau berdiam diri"*. (Riwayat Al Bukhari dan Muslim)

Seringkali manusia terlupa bahawa menggunakan lidah untuk sesuatu yang lebih bermanfaat dan mempunyai ganjaran yang besar di sisi Allah adalah lebih utama. Mengucapkan zikir dengan lafaz, tasbih, tahmid, takbir dan tahlil serta syukur mempunyai nilai pahala yang sangat tinggi. Tidak menjadi kesalahan untuk berkata-kata sekiranya ianya sesuatu yang baik, benar dan memberi manfaat kepada Islam dan seluruh umatnya. Namun, manusia perlu berhati-hati agar kata-kata yang dilafazkan tidak mengandungi sebarang unsur dosa. Sebagai contoh berkata-kata sesuatu yang dusta, mengadu domba, mengumpat, mengejek-ngejek, berbantah-bantah serta berjenaka dengan kata-kata yang menimbulkan kemarahan dan dendam. Ini kerana kata-kata yang bersifat tercela akan mengundang dosa dan seringkali boleh menyebabkan silaturrahim sesama manusia terlerai serta binasa.



Ramadhan yang berlalu telah membantu kita untuk kembali kepada fitrah sebagai hamba pada Yang Esa. Prinsip hamba yang semata-mata melakukan sesuatu atas nama ibadah dan mencari keredhaan Ilahi Yang Maha Esa telah kita lalui sepanjang sebulan kita berpuasa. Mentaati segala suruhan dan meninggalkan segala larangan dalam Islam merupakan antara kunci utama tarbiyyah Ramadhan yang kita lalui. Maka seharusnya latihan Ramadhan yang kita hadapi membantu kita menjadi hamba Allah yang lebih baik sama ada dari sudut ibadah maupun akhlahk seharian. Justeru janganlah dicemari kesempurnaan tarbiyyah Ramadhan yang kita telah lepasi itu dengan melakukan sesuatu yang bersifat keji dan hina.

Jagalah perilaku dan lidah dari berkata-kata sesuatu yang sia-sia. Apatah lagi bersifat loba dalam berkata-kata sesuatu yang boleh mengguris hati sesama manusia. Tradisi ziarah menziarahi yang menjadi amalan dalam masyarakat apabila menyambut lebaran Syawal yang dinanti, seharusnya disulami dengan sesuatu yang memberi kebaikan dan manfaat. Penuhilah perbualan sepanjang ziarah menziarahi dengan saling menghormati dan mengasihi sesama insan. Usah sibuk ditanya dan mengorek-ngorek perkara yang tidak perlu. Jangan ditanya rahsia-rahsia peribadi yang pastinya sulit dan tidak senang untuk dikongsi. Jika diminta pandangan terhadap sesuatu, berilah dengan penuh hikmah dan rasa empati yang mendalam. Lafazlah sesuatu yang baik dan berkesan di hati yang mendengar. Kawallah lidah agar segala apa yang dilontarkan sentiasa menyubur ukhuwwah agar semakin mekar dan berpanjangan, dan bukannya mencetus perseteruan dan kekecewaan yang tiada kesudahan. Jagalah adab yang Islam anjurkan agar silaturrahim yang menjadi matlamat utama ziarah menziarahi itu dapat dicapai dengan sebaiknya.

Moga Syawal ini membuktikan bahawa tarbiyyah Ramadhan yang kita lalui benar-benar berjaya menjadikan kita hamba yang lebih bertakwa dan terlepas dari azab neraka yang tidak terperi pedihnya. Semoga Syawal mengundang seribu satu keberkatan dan keredhaan dari Tuhan Yang Maha Agung lagi Maha Menghisab segala amal dan perbuatan. **Amin**